




LAPORAN LIPUTAN MEDIA

RABU / 14 FEBRUARI 2024



Disediakan Oleh :
Cawangan Komunikasi Korporat

TAJUK BERITA



- 1. HARGA BERAS TIDAK NAIK SEJAK 18 TAHUN - UTUSAN MALAYSIA**
- 2. TERPAKSA TUAI PADI SENDIRI, MESIN PADI TIDAK LEPAS MASUK - UTUSAN MALAYSIA**
- 3. ADAKAH KARTEL PADI MASIH LAGI BERKUASA - UTUSAN MALAYSIA**
- 4. 51 TAHUN PENUH KEMATANGAN - SINAR HARIAN**
- 5. EL NINO TIDAK JEJAS SUMBER BEKALAN - KOSMO**

RABU 14 FEBRUARI 2024	4 SYAABAN 1445	BIL 39 TAHUN KE-57	PP19527/09/2019 (035121)	UTUSAN ONLINE	WWW.UTUSAN.COM.MY	RM2
-----------------------	----------------	--------------------	--------------------------	---------------	-------------------	-----

Dua mayat mangsa pesawat terhempas tertimbus dua meter »5

Lebih 200 juta rakyat Indonesia pilih presiden baharu »40

Selebriti veteran dituduh mengemis di media sosial »21

Utusan Malaysia

PEMIKIRAN BAHARU

Utusan Malaysia

Harga beras tidak naik sejak 18 tahun

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB
[hafiz.mutalib@mediamail.com.my](#)

KANGAR: Langkah menyelaraskan harga beras tempatan dan import dengan harga RM30 hingga RM33 setiap 10 kilogram (kg) bakal membendung isu penipuan dan manipulasi sekali gus menyelesaikan masalah bekalan makanan ruji tersebut.

Kenaikan dari RM26 ke RM30 hingga RM33 bagi berat 10 kg itu juga sudah tiba masanya dilaksanakan selepas 18 tahun harga beras tidak naik sejak 2006.

Bercakap kepada Utusan Malaysia, Pengerusi Gabungan Pengilang-Pengilang Beras Malaysia, Marzukhi Othman berkata, masalah ketidadaan bekalan beras tempatan kebelakangan ini berpunca daripada tindakan syarikat-syarikat besar atau pemborong beras menipu pengguna dengan menukar atau mencampur beras tempatan dengan import sekali gus menjual pada harga beras import.

Katanya, langkah terbaik bagi menyelesaikan masalah berlarutan itu adalah menyelaraskan harga dan menetapkan satu gred beras sahaja.

Ujarnya, peningkatan tersebut tidak membebankan pengguna memandang harga beras 'import' tersebut jauh lebih mahal antara RM40 sehingga RM50 bagi 10 kg.

Mahkamah diberitahu, urusan besar perlu melalui Jho Low dahulu

Jho Low proksi Najib

Oleh NORLIZAH ABAS
[norlizah.abas@mediamail.com.my](#)

KUALA LUMPUR: Bekas Penasihat Undang-Undang Malaysia Development Berhad (MDDB), Jasmine Loo Ai Swan memberitahu Mahkamah Tinggi di sini semalam, Low Taek Jho atau Jho Low kerap melakukan tindakan yang membolehkannya dilihat sebagai proksi kepada Datuk Seri Najib Tun Razak.

Saksi pendakwaan ke-50 tersebut berkata, ahli perniagaan dalam buruan itu selalu menggunakan pengaruhnya sebagai individu yang rapat dengan Najib yang merupakan Perdana Menteri dan Pengerusi Lembaga Penasihat syarikat pelaburan itu.

Menurutnya, kebanyakan perkara besar yang memerlukan kelulusan Najib perlu dibincangkan dahulu dengan Jho Low sebelum dibawa kepada Perdana Menteri.

"Ada kalanya Jho Low akan meminta saya menyediakan dokumen syarikat yang memerlukan tandatangan Najib dan saya akan menyediakannya. Saya akan memaklumkan terlebih dahulu kepada Datuk Shahrol permintaan Jho Low."

"Setelah saya serahkan dokumen-dokumen tersebut, saya tidak tahu bagaimana Jho Low mendapatkan tanda tangan Najib," ujarnya.

Bersambung di muka 2

Nahas pesawat
ANGGOTA Jabatan Bomba dan Penyelamat memeriksa sebahagian serpihan sebuah pesawat yang terhempas di Kampung Tok Muda, Kapar, Klang, Selangor, semalam. - JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT SELANGOR (Berita di muka 5)

Bersambung di muka 3

Harga beras tidak naik sejak 18 tahun

Oleh MOHD. HAFIZ
ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamulia.com.my

KANGAR: Langkah menyalurkan harga beras tempatan dan import dengan harga RM30 hingga RM33 setiap 10 kilogram (kg) bakal membendung isu penipuan dan manipulasi sekali gus menyelesaikan masalah bekalan makanan ruji tersebut.

Kenaiakan dari RM26 ke RM30 hingga RM33 bagi berat 10 kg itu juga sudah tiba masanya dilaksanakan selepas 18 tahun harga beras tidak naik sejak 2006.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Gabungan Pengilang-Pengilang Beras Malaysia, Marzuki Othman berkata, masalah ketiadaan bekalan beras tempatan kebelakangan ini berpunca daripada tindakan syarikat-syarikat besar atau pemborong beras menipu pengguna dengan menukar atau mencampur beras tempatan dengan import sekali gus menjual pada harga beras import.

Katanya, langkah terbaik bagi menyelesaikan masalah berlarutan itu adalah menyalurkan harga dan menetapkan satu gred beras sahaja.

Ujarnya, peningkatan tersebut tidak membebankan pengguna memandangkan harga beras 'import' tersebut jauh lebih mahal antara RM40 sehingga RM50 bagi 10 kg.

Bersambung di muka 3

Harga beras tidak naik sejak 18 tahun

Dari muka 1

“Sudah tiba masanya harga beras diselaras dengan satu gred sahaja tanpa perlu ada label import dan tempatan itu dilaksanakan. Langkah tersebut mampu menangani isu manipulasi dan penipuan sehingga menjejaskan bekalan beras tempatan di pasaran.

“Sudah lama harga beras ini tidak naik dengan kali terakhir pada 2006. Industri beras negara terus berkembang dan harga tersebut (RM30) masih lagi relevan dalam situasi semasa ini. Malah, ia jauh lebih murah daripada harga beras ‘import’ yang memonopoli pasaran sejak kebelakangan ini,” katanya.

Kelmarin, *Utusan Malaysia* melaporkan, mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) bercadang untuk menyelaraskan harga beras tempatan dan import bagi mengelakkan manipulasi dan menangani isu penipuan dalam industri beras.

Cadangan tersebut bakal menyaksikan harga beras tempatan yang kini dijual di pasaran RM26 bagi setiap 10 kg akan meningkat kepada sekitar RM30 hingga RM33.

Sebelum ini, orang ramai sering mengeluh ketiadaan beras tempatan di pasaran yang terus berlarutan sedangkan Malaysia mempunyai stok bekalan beras sebanyak 900,000 tan iaitu 250,000 tan stok penimbun dan 650,000 tan stok dagangan.

Utusan Malaysia sebelum ini juga pernah melaporkan mengenai kartel atau ‘mafia’ padi yang didakwa dimonopoli empat ke lima syarikat besar sejak sekian lama dan telah mencorak hala



LANGKAH menyelaraskan harga beras tempatan dan import dilihat mampu menyelesaikan masalah bekalan makanan ruji itu.

tuju industri padi negara sehingga tercetusnya isu benih padi yang berlarutan setiap musim serta masalah bekalan beras.

Sementara itu, Marzuki berkata, apabila penyelarasan tersebut dilaksanakan, kilang-kilang besar ini juga sudah tidak boleh bermain harga belian padi yang kesannya akan menyebabkan pelbagai kos meningkat.

Beliau percaya, menerusi penyelarasan harga tersebut juga bakal menstabilkan kembali harga input pertanian dan kos-kos lain seperti sewaan jentera

dan sebagainya yang selama ini berterusan menekan para pesawah.

“Apabila kilang-kilang besar ini bermain harga belian padi dengan ada yang menetapkan terlalu tinggi akan menyebabkan berlakunya kenaikan lain seperti input pertanian, sewaan jentera, kos-kos racun dan pelbagai lagi berkaitan sawah padi ini.

“Kilang-kilang besar yang juga mempunyai syarikat pemborong beras ini tidak kisah bermain harga kerana mereka boleh memanipulasi dengan campuran beras

atau menukar beras tempatan kepada import bagi mengaut keuntungan lebih,” katanya.

Dalam pada itu, katanya, industri beras negara sepatutnya sudah jauh ke depan dengan isu-isu lain seperti kelewatan bekalan benih setiap musim, penjadualan tanaman disebabkan masalah saliran dan lain-lain perlu diselesaikan.

“Saya juga mencadangkan agar bekalan benih padi sah diberikan terus kepada petani bukan lagi melalui pengilang-pengilang ini,” katanya.



GANGGUAN stok beras tempatan masih lagi berterusan biarpun sudah memasuki 2024.
- UTUSAN/PUOTRA HAIRRY

Adakah kartel padi masih lagi berkuasa?

SAUDARA PENGARANG,

PERTENGAHAN tahun lalu, negara digemparkan krisis kekurangan beras putih tempatan. Kekurangan stok beras putih tempatan sedikit sebanyak telah memberikan implikasi kenaikan harga makanan khususnya nasi.

Sungguhpun begitu, harga beras putih import dan tempatan adalah berbeza kerana harga beras putih tempatan dikawal kerajaan seperti mana yang termaktub dalam peruntukan Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 dan sebaliknya bagi beras putih import.

Justeru, harga beras putih import lebih mahal dan rakyat terpaksa menanggung harga yang tinggi disebabkan gangguan stok beras putih tempatan.

Pelbagai mekanisme kawalan yang dilaksanakan oleh kerajaan Persekutuan pada tahun lalu antaranya ialah menaikkan kadar Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) daripada RM360 per metrik tan kepada RM500 per metrik tan pada bulan Ogos tahun lalu yang dikatakan kenaikan terbesar dalam sejarah negara.

Ini menjadikan setiap seorang pesawah di negara akan menerima sekurang-kurangnya RM1,700 bagi setiap metrik tan padi yang dituai. Kenaikan tersebut meningkatkan jumlah peruntukan SSHP kepada RM1 bilion setahun untuk pesawah padi. Inisiatif ini bertujuan bagi menggalakkan penanaman padi di samping mengekalkan stok gudang makanan negara.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan juga memaklumkan bahawa 70 peratus bekalan beras putih tempatan dalam negara wujud dan gangguan stok beras tempatan dijangka pulih sekurang-kurangnya Disember 2023.

Sebaliknya gangguan stok beras tempatan masih lagi berterusan biarpun kita sudah meniti 2024. Persoalannya, adakah kartel padi masih lagi berkuasa dan menguasai rantaian pengeluaran padi negara?

Sekiranya benar, pihak berkuasa perlu menggunakan kuasa perundangan dalam menangani isu kartel ini daripada berlarutan sehingga hujung 2024.

Jangan biarkan kekurangan stok beras putih tempatan menjadi misteri.

DR. MUHAMMAD HAFIZ BADARULZAMAN
Felo Penyelidik Unit Penyelidikan Syariah dan Undang-Undang Perniagaan Islam (SHURA), Pusat Pengajian Undang-Undang Universiti Utara Malaysia

Dalam Negeri



SAPIAH Lee Nui terpaksa tuai padi sendiri selepas jentera menuai tidak boleh masuk berikutan sawah merekah dan kering kontang di Kok Klang, Perlis, semalam. - UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN

Terpaksa tuai padi sendiri, mesin padi tidak lepas masuk

PADANG BESAR: Cuaca panas melampau sehingga mencecah 39 darjah Celsius dengan tiada hujan sudah lebih sebulan lalu menyebabkan terdapat kawasan sawah di negeri ini mula merekah dan kering kontang.

Antaranya di kawasan sawah padi di Kok Klang, Chuping di sini yang merupakan antara lokasi titik panas di negeri ini menyaksikan terdapat sawah yang merekah sehingga menyaksikan ada pesawah terpaksa mengerat sendiri padi selepas mesin padi tidak boleh masuk akibat tanah yang sudah kering kontang itu.

Sebagai rekod, pada 9 April 1998, Chuping telah merekodkan suhu tertinggi dan terpanas di Malaysia iaitu 40.1 darjah Celsius.

Seorang pesawah, Sapiah Lee Nui, 52, berkata, dia terpaksa menuai dan menampi sendiri

padi selepas jentera menuai padi tidak boleh masuk di kawasan sawah padinya ketika musim menuai sudah tiba ketika ini.

Katanya, sudah dua hari dia bersama anaknya melakukan kerja-kerja menuai padi ini dalam keadaan sawah yang kering kontang ini.

“Kita juga mengasingkan padi untuk dibuat benih. Pada masa ini, tanah kering kontang khususnya di kawasan sebelah Kok Klang berhampiran Chuping ini.

“Bagaimanapun, masih terdapat di kawasan lain yang mesin padi masih boleh lepas masuk. Di kawasan saya ini, sudah tidak boleh memandangkan tanah sudah merekah,” katanya.

Tambah Sapiah, cuaca ketika ini cukup panas sehingga menyebabkan dia memerlukan bekalan air masak yang banyak apabila melakukan kerja di sawah.

8

Selamat MENYAMBUT HARI ULANG TAHUN LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

14 FEBRUARI 2024

51

51 tahun penuh kematangan

LPP terus bina keupayaan petani, mantapkan sektor pertanian negara

Oleh NORSHAHZURA MAT ZUKI

Sejak penubuhannya pada 14 Februari 1973, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) telah memainkan peranan yang penting dalam memajukan sektor pertanian negara.

Dengan 51 tahun pengalaman yang pelbagai serta mencabar, LPP kini menghadapi fasa baharu yang menuntut perubahan paradigma bagi menyesuaikan dengan kemajuan teknologi serta perubahan zaman.

LPP telah membuktikan keberkesanan peranannya dalam meningkatkan taraf hidup dan ekonomi masyarakat petani melalui rangkaian Pertubuhan Peladang (PP) yang merangkumi 14 buah Pertubuhan Peladang Negeri (PPN), 294 buah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) yang mana LPP berfungsi sebagai Pendaftar Pertubuhan Peladang (PP), agensi pembangunan dan agensi yang terlibat dalam pengurusan PP.

Setakat ini, terdapat 965,195 orang peladang serta 2,595 orang anggota LPP manakala 3,532 orang anggota lantikan PP di seluruh negara.

Dengan melibatkan hampir satu juta peladang dan anggota LPP/PP, peranan mereka dalam pembangunan dan pengurusan sektor pertanian amat penting.

Sebagai peneraju dalam sektor pertanian, LPP meletakkan komitmen



LPP telah membuktikan peranannya dalam meningkatkan taraf hidup dan ekonomi masyarakat petani.

yang tinggi dalam menyokong aspirasi sektor agro makanan negara. LPP terus memainkan peranan untuk menjadikan pergerakan PP lebih produktif dan berdaya saing dalam memastikan bekalan makanan negara mencukupi.

Dalam menghadapi cabaran keterjaminan makanan di masa depan, LPP telah menyusun pelan dan strategi untuk mengahadapinya.

LPP menyedari bahawa sektor agromakanan akan menghadapi pelbagai ancaman seperti pandemik, perubahan iklim, dan peningkatan kos input pertanian.

Justeru, untuk mengatasi cabaran ini, LPP mengambil pendekatan inovatif dengan menerapkan teknologi tinggi dalam pengeluaran pertanian, pendigitalan dalam pemasaran, dan mendorong penyertaan generasi muda.

Dalam usaha memastikan keterjaminan makanan negara, LPP telah berjaya memberi tumpuan kepada peningkatan tata kelola yang baik, kecekapan pengurusan projek, dan profesionalisme dalam pengurusan kewangan.

Dengan pendekatan holistik yang telah dilaksanakan, LPP yakin bahawa dapat mencapai matlamat sebagai peneraju dalam sektor agromakanan negara.

Malah, Ketua Pengarah LPP, Datuk Azulita Salim sendiri telah menegaskan bahawa usaha itu adalah untuk memastikan kesejahteraan peladang, penternak dan nelayan diberikan perhatian utama.

Ini kerana, golongan tersebut merupakan tulang belakang kepada jaminan bekalan makanan yang mencukupi bagi rakyat Malaysia.

"Peladang dan institusi peladang perlu dinamik dalam menempuhi cabaran semasa agar terus lestari menerajui sektor agromakanan. Sesungguhnya peladang, penternak dan nelayan adalah komuniti yang perlu dibela."

Mereka adalah rakyat Malaysia MADANI yang berkorban dan berjuang demi memastikan kestabilan negara. Dalam erti kata lain, mereka menjamin ketersediaan bekalan makanan yang mencukupi, selamat dan bernutrisi serta harapan negara pada masa depan," katanya.



LPP sentiasa menyedari sektor agro makanan terdedah dengan pelbagai ancaman dan cabaran masa depan.

LPP dan cabaran masa depan

Sesungguhnya, LPP amat memahami bahawa sektor agromakanan sentiasa terdedah dengan pelbagai ancaman pada masa depan dengan pelbagai kemungkinan boleh berlaku sama ada wabak penyakit, ketidakseimbangan

SINAR HARIAN • RABU 14 FEBRUARI 2024

Selamat MENYAMBUT HARI ULANG TAHUN LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

14 FEBRUARI 2024

51

ekonomi dan politik, peningkatan populasi penduduk, kekurangan sumber tanah dan air, perubahan iklim dan sebagainya.

Malah, perubahan teknologi, digitalisasi dalam pengeluaran, komunikasi dan perubahan corak urus niaga yang kompleks turut diberikan perhatian oleh LPP di samping peningkatan kos input serta penurunan produktiviti pertanian sama ada di peringkat domestik dan global.

LPP telah membuat perancangan dan hala tuju strategik dalam melaksanakan perubahan anjakan paradigma bagi memastikan negara mempunyai bekalan makanan mencukupi, boleh diakses oleh semua rakyat di samping memberi pulangan manfaat besar kepada para peladang.

Pada masa sama, LPP turut menyuntik nafas baru kepada sektor agromakanan

- Teknologi tinggi;
- Smart-precision farming;
- Menggunakan input sumber mentah negara;
- Pendigitalan pengeluaran;
- Mekanisasi automasi;
- Pemasaran dalam talian (online);
- Transaksi tanpa tunai (Cashless);
- Pengurangan import;
- Penggunaan teknologi dan inovasi (Artificial Intelligence, Robotic Process Automation, Internet of Things).

Peladang dan institusi peladang perlu dinamik dalam menempuhi cabaran semasa agar terus lestari menerajui sektor agromakanan. Sesungguhnya peladang, penternak dan nelayan adalah komuniti yang perlu dibela."

- Azulita Salim

negara dengan meningkatkan pelaksanaan yang merangkumi;

Kematangan

Dalam melangkah ke usia kematangan ini, LPP sentiasa fokus melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan dengan jujur, telus dan



LPP sentiasa menyuntik nafas baru kepada sektor agromakanan negara dengan melaksanakan inovasi serta mengadaptasi teknologi terkini.



LPP berusaha menjadikan gerakan pertanian negara lebih produktif dan berdaya saing sekali gus memastikan bekalan makanan negara mencukupi untuk rakyat.



LPP berusaha mewujudkan masyarakat peladang yang berdikari, makmur dan progresif.

Lembaga Pertubuhan Peladang Malaysia

@lpp_malaysia

@LPP_Malaysia

LPP TV

"LAHIR PELADANG PROGRESIF"

Petani, penternak, nelayan terus diminta bersedia

El Nino tidak jejas sumber bekalan

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED

SHAH ALAM – Fenomena El Nino yang dijangka melanda negara sehingga Jun depan tidak menjejaskan sumber makanan bekalan negara, setakat ini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, cuaca panas berpanjangan itu tidak mempengaruhi bekalan daripada petani, penternak dan nelayan.

Jelas beliau, pemerhatian pihaknya mendapati sumber bekalan ketika ini masih mencukupi biarpun fenomena itu diramal lebih kritikal pada tahun depan.

"Kementerian sememangnya ada menerima aduan biasa contohnya daripada petani tetapi ia melibatkan masalah alat timbangan.

"Namun insya-Allah sumber bekalan makanan masih terjamin dan mencukupi," katanya selepas melakukan lawatan kerja ke kilang Keropok House & Industry Sdn. Bhd. di Seksyen 27, di sini semalam.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, semua penternak, petani dan nelayan bagaimanapun diminta supaya 'sediakan payung sebelum hujan' dengan mematuhi arahan pihak berkuasa termasuk Kementerian Kesihatan (KKM).

"Semua pihak diminta bersedia menghadapi segala kemungkinan berikutan fenomena El Nino ini," katanya.

Tambah beliau, pada ming-



MOHAMAD (dua dari kanan) ketika melawat kilang pemprosesan keropok lekor di Keropok House & Industry Sdn. Bhd. di Seksyen 27, Shah Alam semalam. – M. FIRDAUS M. JOHARI

gu hadapan pihaknya akan menyuarat bersama Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) bagi membincangkan persiapan negara menghadapi fenomena tersebut.

"Cuaca panas ini akan dihadapi dalam tempoh lama dan golongan itu perlu mematuhi semua arahan pihak berkuasa termasuk daripada KKM.

"Saya setakat ini belum dimaklumkan mengenai perkara itu, namun kita tidak bergerak secara bersendirian dan akan menyelesaikannya secara bersama dengan beberapa kementerian," katanya.

Pada minggu lalu, Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia, Muhammad Helmi Abdullah memaklumkan, El Nino dengan intensiti kuat yang sedang melanda dunia ketika ini dijangka berterusan di negara ini.

El Nino dijangka menjadi lebih ekstrem dengan peningkatan suhu dan pengurangan jumlah taburan hujan di seluruh negara pada tahun ini disebabkan faktor pemanasan global yang dihadapi dunia ketika ini.

Fenomena El Nino sering menyebabkan hujan berkurangan sekali gus berisiko mengakibatkan paras air sungai merosot dan empangan menjadi kering.